

Inggeris untuk ajar teknologi

Oleh Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin — Kerajaan membenarkan bahasa Inggeris dijadikan bahasa penghantar mata pelajaran berunsur teknologi di universiti dan kolej tempatan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Kabinet yang membincangkan perkara itu memutuskan bahawa langkah berkenaan perlu dilaksanakan segera bagi memastikan Malaysia terus berdaya saing di peringkat antarabangsa.

"Kita akan menggunakan bahasa Inggeris di mana perlu kerana kita tidak boleh membenarkan kecekapan dan kebolehan rakyat kita kurang daripada kecekapan rakyat negara asing.

"Kita tidak mampu menterjemahkan, umpamanya buku-buku teknikal ke bahasa Melayu kerana tidak mempunyai orang (pakar). Adalah lebih mudah kalau kita menguasai bahasa Inggeris. Oleh itu, dari segi pragmatik, kita kena buat cara ini.

"Kita perlu menggunakan bahasa Inggeris, kebanyakannya dalam bi-

dang yang mengenai teknologi dan teknikal seperti subjek teknikal, kejuruteraan dan perubatan," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian di perasmian pengenalan nama syarikat induk dan anak syarikat serta lambang kereta nasional kedua, Perodua Kancil di sini, hari ini, apabila diminta mengulas mengenai penubuhan cawangan Universiti London di negara ini.

Menurut Dr Mahathir, Universiti London boleh menubuhkan kampus cawangannya di negara ini tetapi ia harus mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

Pembukaan kampus cawangan universiti itu mungkin boleh dilakukan tanpa perlu meminda Akta Universiti dan Kolej.

Perdana Menteri berkata, kebenaran menggunakan bahasa Inggeris itu akan dilaksanakan secepat mungkin bagi mata pelajaran bercorak teknikal seperti kejuruteraan dan perubatan.

Ditanya sama ada universiti atau kolej diberi kebebasan untuk menen-

28 DEC 1993
nghantar masing-masing, Perdana Menteri berkata, kerajaan belum menentukannya lagi tetapi itulah (membenarkan penggunaan bahasa Inggeris) pendekatan yang dipilih.

"Kabinet sudah membincangkan perkara ini kerana kita tidak boleh membenarkan negara kita ketinggalan. Kalau tidak, kita tidak kompetitif. Kita kena tentukan keutamaan kita.

"Kita berpendapat kalau kita sudah menjadi bangsa yang berjaya, dengan sendirinya bahasa kita akan dihormati dan akan berjaya," katanya.

Menurutnya, tidak ada orang yang akan menghormati sesuatu bahasa yang dimiliki oleh bangsa yang tidak berjaya.

"Walaupun sesuatu bangsa itu berpegang kuat kepada bahasanya, bangsa itu tidak akan dihormati jika mereka tidak berjaya," katanya.

Ditanya kemungkinan kerajaan akan meminda Akta Universiti dan Kolej, Dr Mahathir berkata: "Kita belum ada rancangan untuk pinda. Kita akan kaji kalau ia perlu."